

# Dr. M di Tonga: Tawar bantuan teknik

NUKUALOFA, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, hari ini, Malaysia bersetuju dengan penggalakan kerjasama ekonomi dan teknikal di kalangan negara-negara membangun.

Beliau menegaskan dalam dunia yang saling bergantung, negara-negara membangun perlu membantu dan menyokong antara satu sama lain supaya dapat berkongsi harta dari segi sumber, pengalaman dan kepakaran walaupun terdapat perbezaan dalam kemajuan ekonomi masing-masing.

Malaysia merasa gembira untuk menyertai program-program kerjasama ekonomi dan teknikal yang berfaedah dan praktikal dengan lain-lain negara.

Berucap di satu majlis

sambutan tradisional dan jamuan makan di Pangal di tepi pantai di sini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Malaysia sedia menawarkan bantuan teknikal seberapa yang terdapat dalam bidang-bidang yang ia mempunyai pengalaman dan kepakaran kepada Tonga.

"Saya percaya terdapat banyak bidang kerjasama antara Tonga dengan Malaysia dan usaha-usaha hendaklah dibuat untuk menerokainya," ujar beliau.

## Tawaran

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, tawaran itu, walaupun sedikit sahaja pada mulanya, sudah tentu akan memperkayakan Malaysia melalui interaksi yang cergas dengan rakyat Tonga.

Perdana Menteri tiba di sini mengikut jadual jam 11.15 pagi waktu tempatan (jam 6.15 pagi waktu Malaysia) dengan sebuah kapal terbang MAS 737 dari Fiji dalam rangka lawatan keduanya ke tiga buah negara kepulauan Pasifik Selatan.

Dalam ucapannya selepas majlis jamuan itu yang dihadiri oleh King Taufa'ahau Tupou Keempat dan Queen Halacvalu Mata'aho, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, walaupun Malaysia dan Tonga dipisahkan oleh lautan yang luas, "namun jarak itu tidaklah terlalu jauh atau terlalu sukar bagi kita berhubung".

Katanya, kedua-dua negara adalah sebahagian dari rantau besar Asia-Pasifik dan mempunyai harapan dan ideal yang sama.

"Sebagai negara membangun yang kecil, adalah menjadi harapan dan matlamat kita untuk memajukan lagi taraf sosioekonomi rakyat masing-masing di samping berusaha memupuk keamanan dan kestabilan yang perlu bagi usaha-usaha seumpama itu," tambah beliau.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

2816

maian.....

561/85